

# Malaysia harmonikan undang-undang Syariah, *Common Law*

**NILAI** – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, Malaysia kini bergerak maju ke arah mengharmonikan dan merapatkan jurang yang wujud antara *Common Law* dan undang-undang syariah.

Beliau berkata, sebenarnya sejarah pembangunan sistem perundangan negara menyaksikan proses mengharmonikan undang-undang Syariah dan *Common Law* telah berlaku sejak lebih dua dekad lalu.

“Ini sememangnya penting bagi menyemai rangka kerja perundangan yang berwibawa, cekap dan kondusif serta mewujudkan persekitaran kawal selia yang dinamik.

“Hari ini, kita dapat saksikan pengaruh *Common Law* dalam

prosedur dan keterangan yang digunakan di Mahkamah Syariah dan pemakaian undang-undang Islam yang ditadbir oleh Mahkamah Sivil,” katanya pada perasmian Seminar Antarabangsa Undang-Undang Syariah dan

*Common Law* Ketiga (ISCOL 2015) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.